

SULIT



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER II

SESI 2016/2017

NAMA KURSUS : PENGUKURAN DAN PENILAIAN
DALAM PENDIDIKAN
KOD KURSUS : BBD 30202
KOD PROGRAM : BBA/BBB/BBC/BBD/BBE/BBF/BBG
TARIKH PEPERIKSAAN : JUN 2017
JANGKA MASA : 2 JAM
ARAHAN : (1)BAHAGIAN A:JAWAB **SEMUA**
SOALAN PADA KERTAS OMR.
(2)BAHAGIAN B: JAWAB **SEMUA**
SOALAN PADA KERTAS SKRIP
JAWAPAN.
(3)KERTAS SOALAN INI PERLU
DIKEMBALIKAN SEMULA
SELEPAS PEPERIKSAAN.

TERBUKA

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **LIMA BELAS (15)** MUKA SURAT

SULIT

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi 40 soalan. Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Pilih satu jawapan yang betul dan hitamkan jawapan pada kertas OMR yang disediakan.

- S1 Manakah antara berikut menunjukkan kepentingan yang paling utama bagi konsep taburan normal dalam sesuatu pengukuran yang dibuat bagi sesuatu penilaian?
- A Menstabilkan taraf dan kualiti pengukuran yang adil
 - B Memberikan taraf pendidikan yang baik kepada pelajar
 - C Menunjukkan keseimbangan dalam membuat pengukuran
 - D Membezakan kebolehan pelajar berdasarkan kesukaran soalan
- S2 Apabila nilai $\min < \text{median} < \text{mod}$, maka dapat dikatakan bahawa
- A graf yang terhasil adalah taburan skor pencong positif
 - B ujian yang diambil oleh pelajar dikatakan terlalu senang
 - C dapat mengukur kebolehan pelajar dengan baik dan pelbagai
 - D ramai pelajar mendapat skor lebih tinggi daripada purata skor
- S3 Pilih antara berikut jawapan yang paling tepat bagi menunjukkan maksud pentaksiran dan penilaian dalam pendidikan.
- A Pentaksiran berlaku pada awal proses pengumpulan maklumat manakala penilaian berlaku secara berterusan dalam pembelajaran
 - B Pentaksiran untuk merancang dan membuat keputusan manakala penilaian untuk membuat pengadilan terhadap maklumat yang diperoleh
 - C Penilaian melibatkan proses pengumpulan maklumat untuk menentukan prestasi pelajar
 - D Pentaksiran tidak melibatkan nilai tetapi penilaian melibatkan nilai dalam membuat keputusan



TERBUKA


S4 Berikut merupakan perbezaan antara pemarkahan secara analitik dan pemarkahan secara holistik. Pilih perbezaan yang paling tepat.

	Pemarkahan secara Holistik	Pemarkahan secara Analitik
A	Dipengaruhi kesan halo	Dipengaruhi kesan pemeriksa dan skala
B	Pemarkahan lebih umum	Pemarkahan kurang teliti
C	Mengambil masa yang lama untuk menanda jawapan pelajar	Mengambil masa yang lebih cepat untuk menanda jawapan pelajar
D	Pentafsiran keputusan cenderung untuk pencong ke kiri	Pentafsiran keputusan lebih cenderung untuk normal

S5 Cikgu Sayuti telah merancang untuk menggunakan soalan latihan yang dibina sendiri untuk menilai penguasaan pelajar dalam topik yang akan diajar dalam kelas nanti. Namun apabila melaksanakan pengajaran, Cikgu Sayuti dapati terdapat sekumpulan pelajar yang memerlukan perhatian yang lebih mengenai topik yang diajar. Berdasarkan situasi tersebut, apakah jenis pendekatan penilaian yang diambil oleh Cikgu Sayuti dalam menangani masalah yang berlaku di dalam kelas?

- A Penilaian formatif terancang
- B Penilaian formatif interaktif
- C Penilaian formatif berterusan
- D Penilaian formatif beretika

TERBUKA



Rajah S6

S6 Berdasarkan **Rajah S6** di atas, pilih pernyataan yang salah bagi perkaitan antara pentaksiran, pengujian, pengukuran dan penilaian.

- A Semua pengujian mesti melibatkan penilaian dan sebahagian sahaja pengukuran
- B Semua ujian melibatkan pengukuran tetapi tidak semua pengukuran melibatkan ujian
- C Sebahagian penilaian melibatkan pengukuran sama ada dalam bentuk ujian atau pemerhatian
- D Tidak semua alat ujian atau pengukuran digunakan untuk membuat penilaian

S7 Padankan contoh kerja yang paling sesuai berdasarkan kepada **Rajah S6** di atas

	No.	Contoh kerja
A	1	Kerja lapangan, aktiviti kumpulan
B	2	Tinggi, berat, suhu
C	3	Kefungsian alat, ujian kecerdasan
D	4	Peperiksaan akhir, kuiz, ujian

S8 Ujian formatif sering di lakukan oleh guru di sekolah bagi mendapatkan maklum balas. Yang manakah merupakan ujian formatif?

- A Peperiksaan akhir tahun
- B Ujian bulanan dalam bilik darjah
- C Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
- D Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia

TERBUKA

S9 Yang manakah di antara pernyataan-pernyataan yang berikut adalah tidak benar mengenai ujian formatif?

- A Diadakan dari semasa ke semasa
- B Digunakan bagi tujuan penggredan
- C Menggunakan pelbagai alat pengukuran
- D Dapat dijalankan secara formal atau tidak formal

S10 Bilakah ujian sumatif biasanya diadakan?

- A Sebelum pembelajaran
- B Semasa pembelajaran sedang berlaku
- C Selepas satu peringkat pembelajaran
- D Dijalankan dari semasa ke semasa

S11 Tujuan utama penilaian sumatif adalah untuk

- A mengatasi kelemahan pembelajaran murid
- B membantu guru memperbaiki pengajarannya
- C menentukan pencapaian dan gred pelajar
- D merancang program pemulihan pelajar

Soalan S12 – S14 adalah berdasarkan kepada keputusan analisis item X seperti yang ditunjukkan dalam Jadual S12.

Jadual S12 Item X

Opsyen	A	B	C*	D
Kumpulan Pelajar Berpencapaian Tinggi	2	6	12	0
Kumpulan Pelajar Berpencapaian Rendah	0	10	8	2

*jawapan betul

S12 Berapakah nilai indeks kesukaran bagi item X?

- A 0.25
- B 0.45
- C 0.50
- D 0.80

TERBUKA

- S13** Berapakah nilai indeks diskriminasi bagi item X?
- A 0.10
 - B 0.20
 - C 0.50
 - D 1.00
- S14** Distraktor manakah yang perlu diperbaiki?
- A A sahaja
 - B D sahaja
 - C A dan B
 - D B dan D
- S15** Sekiranya indeks diskriminasi bagi sesuatu item dalam ujian yang dilaksanakan ialah 0.50. Apakah tafsiran kualiti bagi item tersebut?
- A Mempunyai aras kesukaran yang sesuai
 - B Mempunyai aras pembezaan yang baik
 - C Item terlalu mudah bagi semua calon
 - D Item perlu dibaiki atau dibuang
- S16** Manakah antara berikut paling tepat menunjukkan tujuan utama distraktor bagi opsiyen yang terdapat dalam soalan aneka pilihan?
- A Menarik calon-calon yang lemah
 - B Menarik perhatian calon-calon yang pandai
 - C Menarik calon-calon kepada jawapan yang betul
 - D Membandingkan kebolehan calon yang menjawab soalan
- S17** Anda diberikan satu set data iaitu 52, 53, 54, 55, 60, 70, 68, 75, 75, 80, 82. Pilih jawapan yang tepat mengenai data tersebut.
- A Bertaburan normal
 - B Pencong ke kanan
 - C Pencong ke kiri
 - D Median data adalah 70

TERBUKA

S18 Manakah antara markah berikut mewakili tahap prestasi yang terbaik.

- A Skor $z = 1.0$
- B Skor $T = 55$
- C Stanine 5
- D 35th persentil

S19 **Jadual S19** menunjukkan skor yang diperolehi Mariati bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah. Pilih jawapan yang paling tepat mengenai keputusan ujian Mariati.

Jadual S19

Matapelajaran	Bahasa Inggeris	Matematik	Sejarah
Min	58.67	68.92	60.21
Sisihan piawai	6.21	8.12	7.02
Skor Mariati	82	82	76

- A Mariati mempunyai prestasi yang sama dalam Bahasa Inggeris dan Matematik
- B Prestasi Mariati lebih baik dalam Bahasa Inggeris berbanding Matematik dan Sejarah
- C Prestasi Mariati lebih baik dalam Matematik berbanding Bahasa Inggeris dan Sejarah
- D Prestasi Mariati lebih baik dalam Matematik dan Bahasa Inggeris berbanding Sejarah

S20 Berapakah had maksimum padanan bagi setiap item padanan yang dibina?

- A Tiga
- B Lima
- C Sembilan
- D Tidak melebihi enam atau lapan

S21 Nyatakan helah penulisan item bagi isi tempat kosong.

- A Menyediakan tempat kosong
- B Tidak menyediakan tempat kosong
- C Menyatakan sedikit penjelasan
- D Mengelakkan sebarang penjelasan

TERBUKA

S22 “Cikgu Ali hanya mengambil masa 20 minit untuk menyiapkan satu soalan bagi Ujian Bahasa Melayu 2.” Apakah jenis ujian yang dibina oleh Cikgu Ali?

- A Ujian esei
- B Ujian padanan
- C Ujian betul-salah
- D Ujian isi tempat kosong

S23 Apakah jenis soalan yang sesuai digubal untuk menilai seribu orang pelajar?

- A Padanan
- B Benar-salah
- C Jawapan pendek
- D Aneka Pilihan

S24 **Jadual S24** menunjukkan susunan pelajar berdasarkan pencapaian dari tinggi ke pencapaian rendah dalam dua ujian yang menggunakan set soalan yang sama.

Jadual S24

Ujian kali pertama	Ujian kali kedua
Azizah	Alias
Cindy	Rabitah
Alias	Saiful
Saiful	Azizah
Rabitah	Cindy

Apakah rumusan yang sesuai berdasarkan keputusan pelajar tersebut?

- A Pelajar masih tidak menguasai topik yang diajar
- B Terdapat peningkatan yang baik bagi pelajar lemah
- C Keputusan ujian menunjukkan kebolehpercayaan yang rendah
- D Ujian tersebut boleh menggambarkan kebolehan sebenar pelajar

S25 Berikut merupakan ujian jenis item respon bebas, kecuali

- A item perkaitan
- B item aneka pilihan
- C item melengkapkan ayat
- D item jawapan pendek

TERBUKA

S26 Berikut merupakan jenis ujian esei iaitu

- A respon tetap
- B respon terhad
- C respon terbuka
- D respon bebas

Rajah S27

Possible Projects/Assignments

- Cut out or draw pictures to show a particular event.
- Illustrate what you think the main idea was.
- Make a cartoon strip showing the sequence of events.
- Write and perform a play based on the story.
- Retell the story in your words.
- Paint a picture of some aspect you like.
- Write a summary report of an event.
- Prepare a flow chart to illustrate the sequence of events.
- Make a colouring book.

S27 Manakah antara aras kognitif berikut yang paling tepat menerangkan keperluan arahan tugas atau projek dalam Rajah S27 di atas?

- A Kefahaman
- B Aplikasi
- C Analisis
- D Sintesis

TERBUKA

Rajah S28

Questions

- What are the parts or features of...?
- How is _____ related to...?
- Why do you think...?
- What is the theme...?
- What motive is there...?
- Can you list the parts...?
- What inference can you make...?
- What conclusions can you draw...?
- How would you categorize...?
- Can you identify the different parts...?
- What evidence can you find...?
- What is the relationship between...?
- What is the function of...?
- What ideas justify...?

S28 Apakah aras soalan yang terdapat dalam **Rajah S28** mengikut Taksonomi Bloom?

- A Sintesis
- B Analisis
- C Kefahaman
- D Pengetahuan

S29 Manakah antara berikut adalah kebaikan utama soalan jenis esei?

- A Kesahan yang tinggi
- B Nilai diagnostik tinggi
- C Kebolehpercayaan yang tinggi
- D Mengukur kemahiran yang kompleks

TERBUKA

S30 Apakah tujuan utama penilaian bilik darjah dari aspek perkembangan dan kemajuan akademik?

- A Menilai prestasi yang ditunjukkan oleh guru semasa tempoh pengajaran dan pembelajaran
- B Memberikan peluang untuk penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran
- C Membandingkan keputusan pelajar dengan tahap norma peringkat negeri
- D Membandingkan keputusan pelajar dengan tahap norma peringkat kebangsaan

S31 Antara berikut merupakan tingkah laku yang mempengaruhi pemeriksa semasa memeriksa skrip jawapan kecuali

- A bias sendiri
- B kesan halo
- C ralat piawai
- D kecenderungan memusat

Jawapan bagi Soalan S32– S36 adalah berdasarkan kepada maklumat dibawah

- A Penilaian Formatif
- B Penilaian Diagnostik
- C Ujian Rujukan Norma
- D Ujian Rujukan Kriteria
- E Ujian Penempatan

S32 Cikgu Aminah mengadakan ujian untuk mengesan masalah pembelajaran pelajar lemah dalam matapelajaran yang diajarnya.

Jawapan:

S33 Rahimah dapat menjawab 70% ujian sains berbanding 90% dalam ujian matematik.

Jawapan:

S34 Hampir separuh pelajar dalam kelas 5B gagal ujian matematik berbanding pelajar kelas 5A yang lulus semuanya.

Jawapan:

S35 Cikgu Fatimah sentiasa merangka dan merancang untuk melaksanakan pengajaran dan penilaian dalam kelas untuk mengetahui pencapaian hasil pembelajaran pelajar untuk tujuan penambahbaikan.

Jawapan:

S36 Sekolah Agama Rakyat selalu melaksanakan ujian sebelum mengelaskan pelajar dalam kelas yang sesuai.

Jawapan:

TERBUKA

S37 Manakah antara berikut merupakan kesahan yang paling penting dalam semua jenis pentaksiran yang dijalankan?

- A Kesahan serentak
- B Kesahan isi
- C Kesahan kriteria
- D Kesahan gagasan

S38 Takrifkan definisi keobjektifan dalam sesuatu ujian.

- A Kelicinan proses pengujian yang dilaksanakan
- B Pencapaian hasil pengajaran melalui ujian yang dijalankan
- C Ketepatan seseorang pemeriksa memberikan skor kepada calon
- D Skor yang sama diperoleh untuk ujian yang sama

S39 Antara berikut yang manakah merupakan kepentingan membuat skema pemarkahan?

- I Meningkatkan kualiti jawapan antara pelajar
- II Meningkatkan kebolehpercayaan antara pemeriksa
- III Sebagai panduan kepada pemeriksa untuk membuat semakan jawapan
- IV Memindahkan kesan halo dari soalan lain ke soalan seterusnya

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

S40 Manakah antara berikut merupakan tujuan membuat analisis item bagi sesuatu ujian yang dilaksanakan?

- I Mengenal pasti keberkesanan pengajaran yang dilaksanakan
- II Mengetahui item yang sukar bagi kumpulan pelajar yang lemah
- III Menentukan kesesuaian item ujian dengan kumpulan yang diuji
- IV Mengeluarkan item-item yang baik untuk bank soalan

- A I sahaja
- B I, II dan III
- C II, III dan IV
- D I, II, III dan IV

TERBUKA

BAHAGIAN B

Jawab semua soalan pada bahagian ini dalam kertas skrip jawapan yang disediakan.

S41 Anda dikehendaki membina Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) yang lengkap bagi melaksanakan Peperiksaan Penilaian Tingkatan 3 untuk mata pelajaran Kemahiran Hidup (**Lampiran S41(i) dan S41(ii)**). Anda perlu mengambil kira maklumat tersebut untuk membina JSU yang sesuai:

- (a) Kertas I: mengandungi 30 item aneka pilihan, 10 item benar salah dan 10 item padanan. Soalan-soalan mesti memenuhi dimensi pengetahuan fakta, prosedural dan tingkahlaku iaitu soalan procedural >fakta>tingkahlaku.
- (b) Kertas II: mengandungi 7 soalan esei. Daripada 7 soalan tersebut pelajar perlu menjawab 4 soalan sahaja. Cadangkan peruntukan masa yang sesuai bagi menjawab kertas II.
- (c) Semua pengiraan dan justifikasi mesti dinyatakan dengan jelas. Jadual mesti mempunyai tajuk dan kemas.

(25 Markah)

S42 Anda telah dilantik oleh Jabatan Pendidikan Negeri untuk mengendalikan satu pemeriksaan ke atas kertas jawapan peperiksaan awam (Kertas Esei) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu yang melibatkan pelajar tingkatan 2 di seluruh sekolah menengah harian negeri tersebut.

- (a) Huraikan lima kesan yang sering berlaku dalam proses penandaan kertas esei dalam kalangan pemeriksa.
- (b) Bincangkan bagaimanakah strategi dan proses pemeriksaan kertas jawapan tersebut dilaksanakan sebaiknya dengan mengambilkira kesahan dan keobjektifan serta keadilan kepada pelajar.

(10 markah)

(15 markah)

TERBUKA

- SOALAN TAMAT -

PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER / SESI : SEM II / 2016/2017

KOD PROGRAM : BBA, BBB,
BBC, BBD, BBE, BBF & BBGNAMA KURSUS : PENGUKURAN DAN
PENILAIAN DALAM
PENDIDIKAN

KOD KURSUS : BBD30202

Huraian Sukatan Pelajaran Kemahiran Hidup

Tingkatan Tiga

JADUAL PEMETAAN KANDUNGAN KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU

BAHAGIAN TERAS : REKA BENTUK & TEKNOLOGI (19 MINGGU)

BIDANG / UNIT / TAJUK PEMBELAJARAN	Tingkatan 1	Tingkatan 2	Tingkatan 3
1. Reka Bentuk dan Teknologi			
1.1 Organisasi Bengkel dan Keselamatan	1 minggu	-	-
a. Pengurusan organisasi bengkel dan keselamatan	√		
1.2 Reka Cipta	-	-	9 minggu
a. Pengenalpastian masalah			√
b. Pencetusan, penjanaan dan pemilihan idea			√
c. Perekaan projek			√
d. Pemilihan reka bentuk			√
e. Perancangan pembinaan projek			√
f. Pembinaan, pengujian dan pengubahsuaian projek			√
g. Pendokumentasian			√
1.3 Reka Bentuk dan Penghasilan Projek	8 minggu	7 minggu	-
a. Pengenalan Reka Bentuk & Teknologi	√		
b. Faktor Reka Bentuk	√	√	
c. Jenis bahan dan pengikat	√	√	
d. Alatan Tangan & Mesin	√	√	
e. Proses	√	√	
f. Reka Bentuk Projek	√	√	
1.4 Elektrik	2 minggu	-	2 minggu
a. Sumber dan kegunaan elektrik	√		
b. Jenis wayar dan kerja pendawaiaan	√		
c. Mengira kos tenaga elektrik			√
d. Pengenalan motor arus terus			√

LAMPIRAN S41 (i)

TERBUKA

PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER / SESI : SEM II / 2016/2017

KOD PROGRAM : BBA, BBB,

NAMA KURSUS : PENGUKURAN DAN
PENILAIAN DALAM
PENDIDIKAN

BBC, BBD, BBE, BBF & BBG

KOD KURSUS : BBD30202

BIDANG / UNIT / TAJUK PEMBELAJARAN	Tingkatan 1	Tingkatan 2	Tingkatan 3
1.5 Elektronik	-	4 minggu	5 minggu
a. Nama, simbol dan fungsi komponen		√	√
b. Membaca dan menterjemah lukisan skematik		√	√
c. Penghasilan projek		√	√
1.6 Kerja Paip	3 minggu	-	-
a. Pengenalan sistem bekalan air di rumah	√		
b. Jenis paip, penyambung paip dan bahan pemasangan paip	√		
c. Jenis dan kelengkapan paip	√		
d. Kerja penyenggaraan	√		
1.7 Lukisan Teknik	-	3 minggu	-
a. Alatan lukisan teknik		√	
b. Jenis garisan		√	
c. Lukisan ortografik		√	
1.8 Jahitan	3 minggu	-	-
a. Mesin jahit	√		
b. Penghasilan artikel	√		
1.9 Masakan	-	3 minggu	-
a. Perancangan menu		√	
b. Penyediaan dan penyajian hidangan		√	
c. Etika makan		√	
1.10 Tempat Kediaman	-	-	3 minggu
a. Ruang tempat kediaman			√
b. Keselesaan tempat kediaman			√
c. Penjagaan tempat kediaman			√
d. Susun atur alatan dan kelengkapan			√

BIDANG / UNIT / TAJUK PEMBELAJARAN	Tingkatan 1	Tingkatan 2	Tingkatan 3
1.11 Tanaman Hiasan	2 minggu	2 minggu	-
a. Pembiakan secara keratan	√		
b. Penanaman	√		
c. Penjagaan anak pokok	√		
d. Pemasuan semula		√	
JUMLAH	4 19 MINGGU	5 19 MINGGU	6 19 MINGGU

LAMPIRAN S41(ii)

TERBUKA